



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO US\$AHAWAN

PENAUNG:

DR ROSMAN MAHMOOD

CHIEF EDITOR/KETUA EDITOR:

PUAN NIK FAZLIN HIRYATI NIK JAAFAR

MANAGING EDITOR/EDITOR URUSAN:

CIK NOOR MALINJASARI BINTI ALI

EDITOR

PUAN SUZILA MAT SALLEH
PUAN NASIHA ABDULLAH
PUAN NORHAYATI HUSIN
PUAN ROSEZIAHAZNI ABD GHANI
PUAN 'ATIQA RASHIDAH ABU SAMAH
PUAN HASMIDA MOHD NOOR
PUAN RASLINA MOHAMED NOR
PUAN SITI FATIMAH MARDIAH HAMZAH
ENCIK WAN AHMAD KHUSAIRI WAN CHEK

DESIGNER/PEREKABENTUK

ENCIK ABDUL RANI JUSOH
PUAN NOOR HAFIZA MOHAMMED

EDISI
27

No issn:1823-6421

Cetusan Inovasi Sebagai Pemacu Daya Saing Usahawan

Naziatul Aziah Mohd Radzi¹,
Normaizatul Akma Saidi¹,
dan Siti Fatimah Ab. Ghaffar¹

¹Fakulti Hospitaliti,
Pelancongan dan Kesejahteraan,
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN,
Pengkalan Chepa, Kelantan.

*Koresponden: aziah.mr@umk.edu.my

Antara kriteria ataupun ciri yang perlu ada pada setiap diri usahawan adalah inovatif, kritis dan bijak meraih peluang sedia ada. Namun perkara terpenting sekali yang perlu dimiliki adalah ketersediaan dan keupayaan usahawan menghadapi cabaran. Tekanan globalisasi mendorong kepada persekitaran dinamik yang memerlukan para usahawan untuk peka dan mampu menghadapi sebarang kebarangkalian yang mungkin boleh berlaku pada bila-bila masa. Untuk kekal relevan dan terus berdaya saing, para usahawan harus mengaplikasikan elemen inovasi dalam penghasilan produk, penyediaan perkhidmatan dan aplikasi perniagaan.

Keupayaan untuk berinovasi terhasil daripada pengalaman individu mahupun anggota masyarakat, pembacaan, permasalahan daripada situasi semasa dan kepelbagaian citarasa masyarakat. Selain itu, perubahan masa turut mengkehendaki para usahawan untuk meletakkan daya inovasi sebagai nadi dalam perniagaan mereka. Menurut Lounsbury et al. 2019, dalam artikel bertajuk Culture, Innovation and Entrepreneurship yang telah diterbitkan dalam jurnal Innovation, inovasi dan keusahawanan menjadi nadi dalam ekonomi moden. Manakala Ionescu et al. (2020) menyatakan bahawa inovasi dan keusahawanan adalah benteng teguh bagi mengatasi cabaran masyarakat global yang terdiri daripada perubahan iklim dan tenaga mampan ke arah kehidupan yang sihat dan sejahtera. Inovasi bertindak sebagai pemudah cara keusahawanan dan menjadi pemangkin bagi memerkasakan individu ke arah kehidupan dan situasi ekonomi yang lebih baik. Pada masa yang sama keusahawanan menjadi jawapan kepada inovasi. Oleh yang demikian, ia membuktikan bahawa inovasi dan keusahawanan memiliki kesalingan hubungan yang erat dan teguh.

Ada apa dengan inovasi? Mengambil satu contoh situasi yang berlaku pada masa kini iaitu isu perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar. Usahawan perlu memikirkan kaedah yang terbaik untuk menghasilkan produk mesra alam sekitar serta memastikan setiap aspek proses penghasilan produk perlu mematuhi prosedur yang tidak

mencemarkan alam sekitar. Justeru, daya inovasi diperlukan bagi mencapai matlamat dan tujuan tersebut antaranya penggunaan material yang boleh dikitar semula dan mengoptimumkan operasi dengan menggunakan peralatan yang sofistikated bagi mengurangkan penggunaan tenaga.

Kepelbagaian dalam segmen pasaran membawa bersama perbezaan citarasa para pelanggan. Para usahawan harus bijak meneroka peluang dengan memikirkan strategi yang bersesuaian melalui penawaran produk atau perkhidmatan yang bersesuaian dengan citarasa pengguna. Maka, dalam keadaan inilah inovasi memainkan peranan melalui penciptaan produk ataupun penawaran perkhidmatan yang bersesuaian dengan permintaan pengguna. Antaranya ialah penghasilan produk kuih-muih tradisional yang dahulunya dijual di tepi jalan dan didominasi oleh kaum wanita. Namun, arus teknologi membawa kepada penjualan kuih muih tradisional secara dalam talian dengan inovasi pembungkusan dan persembahan dan sememangnya akan menarik perhatian pelanggan untuk membeli.

Kita sedar dan maklum bahawa arus globalisasi mendorong kepada persekitaran yang dinamik. Justeru, para usahawan harus peka dan mengadaptasi rencam perubahan ini agar terus berdaya saing dan kekal stabil terutamanya jika berhadapan dengan pesaing. Oleh yang demikian, para usahawan harus menerapkan elemen inovasi sebagai aspek utama dalam membina model perniagaan mereka. Hal ini bagi memastikan bahawa usahawan mampu bertahan dan menangkis segala cabaran dalaman dan luaran dan perniagaan yang diusahakan mampu berdiri teguh dalam apa jua situasi seperti kata pepatah “tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan”.

** merupakan pandangan peribadi para penulis*